

MAHATHIR - LEBUHRAYA

1982

GERIK, 19 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENCADANGKAN SUPAYA KAWASAN TASIK BANDING DI LEBUHRAYA TIMUR-BARAT DIMAJUKAN SEBAGAI SEBUAH KAWASAN PERANGINAN UNTUK MENARIK LEBIH RAMAI ORANG MENGGUNAKAN LEBUHRAYA ITU.

LANGKAH INI JUGA UNTUK MENARIK ORANGRAMAI MENETAP DI SEPANJANG LEBUHRAYA YANG AKAN MEMPASTIKAN IANYA TIDAK TINGGAL KESUNYIAN, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT LEBUHRAYA ITU SELAMA EMPAT JAM.

DI SAMPING ITU, KATANYA, KAWASAN PERANGINAN YANG DICADANGKAN ITU AKAN MENJADI SATU PUNCA PENDAPATAN KEPADA KERAJAAN.

ANTARA KEMUDAHAN YANG DICADANGKANNYA UNTUK PARA PELANCONG IALAH RUMAH REHAT DAN REKREASI.

PERDANA MENTERI YAKIN BANDING, YANG TERLETAK LEBIH 2,000 KAKI ATAS PARAS LAUT, BOLEH MENJADI KAWASAN PELANCONGAN YANG MAJU KERANA KECANTIKAN ALAM SEMULA JADI DAN UDARANYA YANG NYAMAN.

-- LAGI 1955/MB

B646

MAHATHIR - LEBUHRAYA 2 GERIK

KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR BELIAU BERSEDIA BERUNDING DENGAN KERAJAAN NEGERI PERAK MENGENAI CADANGANNYA ITU DAN KEMUDIAN Mencari PEMAJU-PEMAJU TERTENTU UNTUK MEMBANGUNKAN KAWASAN TERSEBUT.

BELIAU, YANG DIIRINGI OLEH ISTERINYA DATIN SERI DR. SITI HASMAH ALI, PANGLIMA MARKAS DIVISIYEN KEDUA MAJ-JEN. DATUK HASHIM ALI, TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTAHANAN DATUK BAHARUDDIN MUSA, TELAH DISAMBUT OLEH MENTERI BESAR PERAK DATUK SERI HAJI WAN MOHAMED HAJI WAN TEH SETIBANYA DENGAN HELIKOPTER DI MARKAS TENTERA DI BANDING.

ROMBONGAN PERDANA MENTERI SEBELUMNYA TELAH SINGGAH DI PULAU PINANG UNTUK MENDENGAR TAKLIMAT MENGENAI KESELAMATAN DI KAWASAN SEMPADAN YANG DISAMPAIKAN OLEH MAJ-JEN. HASHIM.

DI BANDING, SATU TAKLIMAT MENGENAI KESELAMATAN DI LEBUHRAYA TELAH DISAMPAIKAN OLEH PEGAWAI MEMERINTAH PASUKAN YANG MENGAWAL LEBUHRAYA, LT-KOL. BENYAMIN BIN ISMAIL BABU.

TURUT MEMBERI TAKLIMAT IALAH PENGUASA JURUTERA KANAN JABATAN KERJA RAYA, (JKR) ENCIK OH YEW MENG DAN KETUA POLIS DAERAH GERIK PENGUASA MOHAMED BIN HASHIM MENGENAI KESELAMATAN PENGGUNA LEBUHRAYA. -- LAGI 2000/MB

MAHATHIR - LEBUHRAYA 3 GERIK

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MELAWAT SEBUAH PANGKALAN HADAPAN DI KILOMETER 36 LEBUHRAYA UNTUK MENINJAU LEBIH DEKAT KEHIDUPAN PARA PERAJURIT SERTA KEWASPADAAN MEREKA MENGAWAL LEBUHRAYA DARI PEN-CEROBOHAN PENGGANAS KOMUNIS.

DARI SITU, BELIAU DAN ROMBONGANNYA BERKERETA KE KILOMETER 26 UNTUK MENAIKI HELIKOPTER KE KOTA BAHARU BAGI MERASMIKAN KONVENSYEN UMNO KELANTAN DI KEM KIJANG DI SITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERLEPAS BALIK KE KUALA LUMPUR DARI LAPANGAN TERBANG PANGKALAN CEPA. ANTARA PARA PEMBESAR NEGERI YANG MENGHANTARNYA KE LAPANGAN TERBANG IALAH MENTERI KEWANGAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DAN MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHAMAD YAAKOB.

-- BERNAMA 2005/MB